

AGENDA
KONVENSYEN NASIONAL REFORMASI PERKHIDMATAN AWAM TAHUN 2024
23 NOVEMBER 2024 (SABTU – HARI PERTAMA)

MASA	PERKARA
11.00 pagi – 2.00 petang	Ketibaan peserta dan pendaftaran
2.00 – 2.40 petang	Forum 1: Merakytakan Perkhidmatan Awam Ahli Panel: Dato’ Sri Suriani binti Dato’ Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Profesor Tan Sri Dato’ Seri Dr. Noor Azlan bin Ghazali, Pengarah MINDA UKM Moderator: Datuk Dr. Mohd Zabri bin Yusoff, Pengarah INTAN Sesi ini akan mengenal pasti usaha-usaha untuk merakytakan perkhidmatan awam, dengan tujuan menjadikan perkhidmatan kerajaan lebih mesra rakyat dan mudah diakses. Panel akan berkongsi pandangan mereka tentang strategi untuk meningkatkan keterbukaan, kecekapan, dan keberkesanan perkhidmatan awam dalam memenuhi keperluan rakyat serta memperkukuh hubungan antara kerajaan dan masyarakat.
2.50 – 3.30 petang	Forum 2: Reformasi Tatakelola Dalam Perkhidmatan Awam Ahli Panel: Tan Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Datuk Sri Hishamuddin Hashim, Pengarah Kanan Siasatan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Dato’ Sri Dr. Akhbar bin Satar, Ahli Lembaga Pengarah Institut Integriti Malaysia Moderator: Datuk Abdul Halim Bin Hamzah, Timbalan Ketua Setiausaha, Jabatan Perdana Menteri Sesi ini akan mengulas reformasi tatakelola dalam perkhidmatan awam, dengan tumpuan kepada keperluan untuk menghadapi realiti dan cabaran semasa dalam memastikan integriti, ketelusan, dan akauntabiliti. Panel akan berkongsi pandangan mengenai langkah-langkah dan strategi bagi memperkukuh amalan tadbir urus dalam sektor awam untuk meningkatkan keyakinan rakyat dan mengoptimumkan keberkesanan perkhidmatan awam.

MASA	PERKARA
3.40 – 4.00 petang	Sesi Plenari: Peranan Komunikasi Dalam Meningkatkan Kecekapan Perkhidmatan Awam Penceramah: Datuk Seri Mohammed Shazalli bin Ramly, Penasihat Media dan Komunikasi Strategik, Pejabat Perdana Menteri Sesi ini akan berkongsi mengenai peranan komunikasi dalam meningkatkan kecekapan perkhidmatan awam. Datuk Seri Mohammed Shazalli Ramly, selaku Penasihat Media dan Komunikasi Strategik di Pejabat Perdana Menteri (PMO), akan berkongsi pandangan dan strategi komunikasi yang dapat membantu perkhidmatan awam menjadi lebih efektif dan responsif kepada keperluan rakyat, di samping meningkatkan hubungan antara kerajaan dan masyarakat melalui penyampaian maklumat yang berkesan.
4.10 – 4.50 petang	Forum 3: Pembangunan Modal Insan Penjawat Awam: Antara Cabaran dan Harapan Ahli Panel: Datuk Dr. Anesee bin Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan), Jabatan Perkhidmatan Awam Dato' Sri Haji Zulkifli bin Haji Ya'acob, Setiausaha Kerajaan Pahang Dato' Profesor Dr. Mohd Farid Ravi bin Abdullah, Naib Canselor Universiti Islam Selangor Moderator: Datuk Dr Haniff bin Zainal Abidin, Timbalan Pengarah Kanan (Pembangunan Kompetensi) INTAN Sesi ini akan membahaskan mengenai pembangunan modal insan dalam kalangan penjawat awam, dengan fokus kepada cabaran-cabaran yang dihadapi serta harapan untuk masa depan. Panel akan berkongsi pandangan mereka mengenai strategi pembangunan bakat, peningkatan kompetensi, dan usaha memperkukuh kapasiti sumber manusia dalam perkhidmatan awam bagi memenuhi tuntutan dan keperluan semasa serta masa hadapan.
5.00 petang	Program tamat

AGENDA
KONVENSYEN NASIONAL REFORMASI PERKHIDMATAN AWAM TAHUN 2024
24 NOVEMBER 2024 (AHAD – HARI KEDUA)

MASA	PERKARA
8.00 pagi	Ketibaan peserta
8.30 – 9.10 pagi	Forum 4: Penambahbaikan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Ahli Panel: Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang, Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Tinggi Dato' Zakaria bin Shaaban, Ketua Pengarah, Jabatan Imigresen Malaysia Dato' Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Kulim Moderator: Tuan Zahid bin Ismail, Ketua Pengarah, Perbadanan Produktiviti Malaysia Sesi ini akan mengenal pasti strategi inovatif, penggunaan teknologi dalam pengurusan, serta pendekatan yang lebih mesra pengguna dalam sistem pentadbiran. Panel yang terdiri daripada KSU Kementerian Pendidikan Tinggi, KP Imigresen dan YDP Majlis Perbandaran Kulim akan berkongsi mempercepatkan proses dan mengurangkan beban kerja kakitangan, sambil memastikan perkhidmatan yang berkualiti tinggi dapat diberikan kepada rakyat.
9.20 – 10.00 pagi	Forum 5: Penggunaan AI untuk Kecekapan Urusan Pentadbiran Ahli Panel: Dato' Ts. Dr. Hj. Aminuddin bin Hassim, Ketua Setiausaha, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Ts. Dr. Fazidah binti Abu Bakar, Ketua Pengarah, Jabatan Digital Negara Prof. Dr. Aini Suzana Ariffin, Pengerusi, Dasar Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Inovasi Rangkaian Wilayah Asia dan Pasifik (STEPAN), UNESCO Moderator: Tan Sri Dr Ismail Bin Hj Bakar Mantan Ketua Setiausaha Negara Sesi ini akan mengulas bagaimana teknologi AI boleh digunakan untuk mengautomasi tugas rutin, meningkatkan ketepatan analisis data, dan mempercepat proses membuat keputusan. Ahli Panel akan berkongsi contoh aplikasi AI yang telah dilaksanakan dalam sektor pentadbiran dan cabaran yang perlu dihadapi untuk memastikan pelaksanaan teknologi ini selaras dengan keperluan dan kehendak pengguna.

MASA	PERKARA
10.10 – 10.20 pagi	Minum Pagi
10.20 – 11.00 pagi	Forum 6: Mengoptimum Pengawalseliaan Melalui Pendekatan Berasaskan Risiko Ahli Panel: Tuan Haji Rahman bin Mohd Din, Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Integriti Malaysia Tuan Khairul Halimin bin Abdul Halim, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Lembaga Hasil Dalam Negeri Tuan Haji Mohd Fahmi bin Salam, Majlis Perbandaran Kulai Moderator: Tan Sri Ahmad Badri Mohd, Zahir, Mantan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan Sesi ini akan mengulas bagaimana agensi penguatkuasaan dapat mengatur strategi pengawasan mereka berdasarkan tahap risiko yang dihadapi, sekali gus memastikan sumber dan tenaga yang terhad digunakan secara lebih strategik. Pendekatan ini membolehkan pengawalan yang lebih proaktif dan tertumpu kepada kawasan atau entiti yang berpotensi tinggi untuk melanggar peraturan. Panel akan berkongsi kepentingan data dan analisis risiko dalam menyokong keputusan pengawalseliaan, serta cabaran dalam mengumpul dan menganalisis data yang tepat untuk menilai risiko secara objektif.
11.10 – 11.50 pagi	Forum 7: Sinergi Awam dan Swasta Ahli Panel: Dato' Seri Azman bin Ibrahim, Ketua Setiausaha, Kementerian Kerja Raya Datuk Sri Darwis Abdul Razak, Ketua Pegawai Eksekutif, MRL Sdn Bhd. Tuan Hj. Syed Hamadah bin Syed Othman, Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji Moderator: Tuan Muhammad Razman bin Abu Samah, Ketua Pengarah Ketua Pengarah, Unit Kerjasama Awam Swasta Sesi ini akan menyentuh kepentingan kerjasama antara sektor awam dan swasta dalam memperkukuhkan penyampaian perkhidmatan dan pembangunan negara. Ahli panel menekankan bagaimana sinergi ini dapat meningkatkan inovasi, mempercepat penyampaian projek, dan mengoptimumkan sumber yang tersedia. Melalui perkongsian kepakaran panel, sektor awam dapat memanfaatkan pengalaman serta modal daripada sektor swasta untuk melaksanakan inisiatif yang lebih berkesan.

MASA	PERKARA
12.00 - 1.00 tengah hari	Sesi Perkongsian Projek RKB Terbaik untuk Meningkatkan Produktiviti oleh Kementerian dan Agensi
1.00 - 2.15 petang	Makan tengahari
2.15 – 2.55 petang	Forum 8: Pelaksanaan Reformasi Kerenah Birokrasi dan Ujikaji Peraturan Ahli Panel: Dato' Nor Azmie bin Diron, Ketua Setiausaha, Kementerian Ekonomi Dr. Izhar bin Che Mee, Pakar Amalan Baik Peraturan Tuan Mohammed Alamin bin Rehan, Pengarah, Perbadanan Produktiviti Malaysia Moderator: Dr. Wan Mohd Hasif bin Wan Muhamat Ali, Sekretariat STAR, Pejabat Ketua Setiausaha Negara Sesi ini akan menjelaskan cabaran dalam melaksanakan Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB) serta bagaimana Pekeliling RKB dan Pekeliling Ujikaji dapat mempercepatkan pelaksanaan reformasi dari aspek perundangan, strategi praktikal, dan amalan baik peraturan.
2.55 petang	Ketibaan dif-dif jemputan
3.10 – 4.10 petang	Sesi Kenegaraan: Bina Kota Bina Insan Penceramah: Datuk TPj. Kehormat (PA) Haji Mohd Haswandi Bin Haji Ahmad, Ketua Pengarah Akademi Kenegaraan Malaysia (AKM) Mohd. Kamal bin Mohd Affandi, Penolong Pengarah Kanan AKM Sesi ini untuk meningkatkan semangat patriotik, nilai taat setia kepada pemimpin, dan mendokong agenda Malaysia MADANI dalam kalangan peserta. Melalui sesi interaktif dan ceramah, peserta akan diberikan pemahaman yang lebih mendalam mengenai peranan mereka sebagai warganegara yang berintegriti serta bertanggungjawab dalam membina negara yang lebih maju dan sejahtera.
	Majlis Penutupan Konvensyen oleh YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara
4.20 petang	Ketibaan YBhg. Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara

MASA	PERKARA
4.30 petang	• Nyanyian Lagu Negaraku • Bacaan Doa • Ucapan Penutup oleh YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara • Tayangan Montaj Khas • Peluncuran Pekeliling Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB) dan Pekeliling Ujikaji Peraturan • Penyampaian Sijil Penghargaan Program RKB • Penyampaian Sijil Penghargaan Kepada Panel dan Moderator
5.15 petang	Konvensyen Tamat